

BAB KETIGA

KEHIDUPAN SUAMI DI PENJARA

Bab ini membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan hukuman penjara ke atas suami. Terlebih dahulu, kita membincangkan mengapa suami melibatkan diri dengan kegiatan jenayah dari sudut pandangan suami sendiri dan isterinya. Kedua, kita meneliti kegiatan jenayah dan jenis hukuman yang dikenakan ke atas suami. Seterusnya, kita mengkaji kehidupan dan perasaan suami semasa menjalani hukuman penjara.

3.1 PENGLIBATAN SUAMI DALAM KEGIATAN JENAYAH

Dalam kajian ini, didapati penglibatan suami seramai 104 orang dalam kegiatan jenayah adalah berpunca daripada enam faktor.

- i. Sikap diri sendiri.
- ii. Kawan-kawan.
- iii. Isteri
- iv. Keluarga penyenayah sendiri
- v. Keluarga sebelah isteri
- vi. Anak

Sejumlah 85.6% suami didapati terlibat dalam jenayah hingga dihukum penjara adalah berpunca daripada sikap diri sendiri. Daripada 85.6% suami ini, 49.4% suami terlibat dengan jenayah berkaitan dengan dadah dan 50.6% terlibat dalam jenayah lain.

Suami yang melibatkan diri dengan dadah memang menyedari dan mengetahui tentang bahayanya penyalahgunaan dadah. Sejumlah 4.5% suami mengedarkan dadah sebagai sumber rezeki mereka sekeluarga. Walaupun dimarahi oleh keluarga dan mertua namun mereka meneruskan kegiatan itu sehinggalah ditangkap oleh pihak berkuasa. Sementara itu, 95.5% suami menggunakan dadah sebagai satu cara pelarian dari masalah yang dihadapi hingga menyebabkan mereka menjadi penagih.

" Keadaan abang ini bukan salah ibu mengandung, abang tahu dadah itu bahaya, tahu arak itu haram tetapi kerana ikut hati, abang buat...sekarang tengok apa jadi? "

(Kenyataan responden NO 3301/92)

Ada seorang suami yang menggunakan dadah sebagai bahan perangsang tenaga untuk bekerja dan tenaga batin. Menurut responden NO.1283/91, beliau menggunakan daun ganja, dicampur dengan madu dan mentega, kemudian dimasak hingga mendidih dan dimakan satu sudu teh setiap malam sebelum tidur. Menurut beliau ini bertujuan memulihkan kesihatan dan menyihatkan badannya. Beliau

ditahan oleh polis dan dihukum penjara selama 2 tahun dibawah Seksyen 4, 5 dan 6 Akta Dadah Berbahaya, 1952.

Ada juga suami yang menjelaskan mereka melakukan perbuatan jenayah seperti merogol, mencuri, penyalahgunaan wang dan pecah amanah atas dorongan diri sendiri. Tiada sesiapa yang memaksa mereka melakukannya. Responden NO.100/88 yang dituduh merogol, mengakui bahawa beliau tahu perbuatan itu salah tetapi oleh kerana nafsu dan cabaran kawan, beliau melakukan perbuatan tersebut.

Sementara suami yang terlibat dalam penyalahgunaan wang, pecah amanah dan mencuri menyedari bahawa perbuatan mereka menyalahi undang-undang tetapi kerana sikap tamak dan ingin cepat kaya, mereka melakukan juga perbuatan sedemikian. Kata seorang suami,

"Hukuman yang jalani ini adalah berpunca daripada sikap tamak haloba saya yang tidak pernah puas dengan wang yang ada; wang membuatkan saya kelabu mata. Tiada siapa yang patut disalahkan dalam hal ini. Sendiri buat, sendiri tanggung"

(Kenyataan Responden NO.1887/92)

Seramai 6.7% orang suami memberitahu bahawa mereka terbabit dalam jenayah kerana kawan. Daripada bilangan ini 42.9% (3 orang) dituduh bawah Akta Dadah Berbahaya, 1952 dan 57.1% (4 orang) lagi di bawah Kanun Kesiksaan N.M.B. Bab 45. Mereka merasakan kawan-kawan

menyebabkan mereka terbabit dalam aktiviti jenayah yang tidak pernah terlintas untuk mereka lakukan. Menurut responden NO.1109/92,

"Saya berkawan dengan semua orang, saya tak sangka kawan saya menipu saya. Pada satu malam kawan saya mengajak saya melawat kawannya di Bentong, Pahang. Saya terima pelawaan itu. Saya memandu kereta saya. Bila tiba satu tempat kawan saya minta saya berhenti kereta kononnya hendak jumpa kawannya yang menunggunya di satu kedai sebelum meneruskan perjalanan. Saya pun berehat dalam kereta, tiba-tiba saya sedar siren polis dan polis sudah mengepung kereta saya. Akhirnya saya dan empat orang kawan saya sama-sama di penjara ini. Apa nak buat hukuman enam tahun ini amat menyiksa jiwa dan batin saya "

Seorang suami yang dijatuhkan hukuman penjara selama 9 tahun penjara dan 10 sebatan di bawah Seksyen 39(A) Akta Dadah Berbahaya 1952, menceritakan beliau telah diminta oleh rakan sekerjanya menyimpan sebuah bungkusan untuk seketika di rumahnya. Beliau tidak memeriksa bungkusan tersebut kerana rakannya selalu meninggalkan bungkusan di rumahnya. Kemudian beliau keluar bersama rakannya tetapi apabila pulang, beliau dapati polis telah berada di rumahnya dan terus menahannya atas tuduhan memiliki dadah. Beliau berkeyakinan penuh bahawa kawannya sengaja bertujuan mengenakannya kerana cemburu dengan kejayaan beliau dalam bidang perniagaan.

Seramai 4.5% orang suami yang terlibat dalam penagihan dadah menjelaskan mereka mula menghisap dadah hingga ketagih kerana mengikut kawan-kawan sebaya sejak dibangku sekolah lagi. Responden NO.2207/91) dan NO. 6165/90 mula mengenali dadah apabila rakan sekolah mereka mengajak mereka mencubanya. Penglibatan mereka dalam kancah penagihan dadah telah menyebabkan mereka terpaksa menjalani rawatan di Pusat Serenti. Kini mereka di penjara kerana ditangkap semasa menjual barang curi sebagai sumber pendapatan untuk membeli dadah.

Sikap isteri yang cerewet, mengada-gada dan meminta sesuatu di luar kemampuan suami seringkali mendatangkan kesan yang buruk kepada hubungan dalam rumah tangga. Tidak semua lelaki (suami) mempunyai kecekalan dan ketabahan untuk menghadapi kerentahan isteri dan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Hanya suami yang berpersonaliti kuat akan berjaya menangani masalah tersebut. Tetapi ada suami yang akan mengambil jalan mudah untuk melupakan atau menyelesaikan masalah tersebut. Bagi suami yang kurang daya tahan mental dan fizikal, mereka menggunakan dadah, arak dan judi, dan ada yang membuktikan kemampuan mereka kepada isteri dan keluarga dengan melakukan kegiatan seperti merompak, mencuri, pecah amanah dan merogol.

Sebanyak 4.8% (5 orang suami) mendakwa isteri mereka sebagai faktor utama mereka menjerumuskan diri dalam jenayah. Daripada 4.8% ini, 40.0% (2 orang) didakwa di bawah Akta Dadah Berbahaya, 1952 dan 60.0% (5 orang) di bawah Kanun Kesiksaan N.M.B. Bab 45

" isteri saya...susahlah semua mesti ikut cakap dia. Balik kampung mesti berkereta, naik bas tak mahu. Nak berlawan dengan jiran. Mak mertua saya sama saja dengan isteri saya. Jiwa saya tertekan, jalan keluar kepada tension, saya hisap dadah, saya main perempuan, saya minum arak....akhirnya sekali saya mencuri..."

(Kenyataan responden NO. 7133/92)

Seorang responden NO. 59/92 yang berumur 61 tahun menghadapi dakwaan di bawah Seksyen 376, Kanun Kesiksaan atas tuduhan merogol adik iparnya sendiri. Dia telah melakukan hubungan seksual dengan adik ipar sejak dua tahun yang lalu sehingga adik iparnya mengandung. Dia menjelaskan bahawa isterinya tidak mempedulikannya sama ada dari segi zahir dan batin, sebaliknya mempunyai hubungan sulit dengan jiran mereka. Menurutnya lagi, perkahwinan mereka adalah diatur oleh keluarga dan dia menjadi "Pak Sanggup" kerana isterinya ketika itu sudah hamil akibat hubungan sulit dengan seorang lelaki. Oleh itu perbuatannya itu adalah sebagai membala dendam kepada isterinya yang tidak menghormati dirinya sebagai suami dan lelaki yang telah menyelamatkan nama baik keluarga mereka.

Responden NO.649/91, menegaskan bahawa ibu bapanya bertanggungjawab menyebabkan dia melibatkan diri dalam najis dadah.

" Ibu bapa saya pecah belah, selepas ibu meninggal dunia, ayah kahwin lain. Bila berkahwin ayah tidak berminat lagi untuk bersama kami adik beradik. Ayah lebih suka melayan isteri mudanya. Saya anak sulung terpaksa bekerja menanggung segala perbelanjaan rumah. Apabila saya bekerja, saya terpaksa berhadapan lagi dengan masalah yang tidak mampu saya selesaikan. Akhirnya saya menghisap dadah dengan harapan untuk meringan beban dalam fikiran saya, namun saya akhirnya ketagih hingga hal saya berumahtangga. Isteri saya dah berbuih mulut cuba sedarkan saya. Habis duit dia berubat saya. Dan kini anak saya yang sulung pula melibatkan diri dalam dadah dan nampaknya perkara yang sama berulang lagi ".

Ada juga suami menyalahkan keluarga isteri sebagai sebab dia terlibat dalam jenayah. Responden NO.3377/92, bekas pekerja kilang, menjelaskan bahawa mertua dan ipar duainya sering memandang hina tentang kemampuannya dalam membentuk dan menyara keluarga. Mereka seringkali mengejek dan membandingkannya dengan menantu yang lain kerana dia tidak mampu menyediakan kemudahan rumah tangga yang terbaik kepada isteri. Dia telah bekerja keras untuk memenangi hati mertua. Tetapi mertuanya masih tidak berpuas hati. Oleh itu, pada satu hari beliau menyertai sekumpulan perompak untuk merompak sebuah kedai emas. Tujuan beliau merompak adalah untuk memalu dan

menyedarkan mertuanya yang terlalu mementingkan wang dan harta. Akibat dari perbuatan merompak, beliau dijatuhkan hukuman penjara selama 8 tahun. Selain itu, isterinya juga memohon untuk bercerai.

Responden NO.3572/92 mendakwa anaknya menyebabkan dia dijatuhkan hukuman penjara.

" Saya berjanji dengan anak saya untuk belikan kek untuk hari jadinya. Saya tak ada duit. Anak saya merajuk dan mengatakan saya tidak sayang kepadanya. Oleh kerana tidak sampai hati, saya telah mencuri barang di sebuah kedai dengan tujuan menjual benda itu dengan cara itu dapatlah saya beli kek untuk anak saya. Memanglah betul....saya penagih dadah....tapi bila tentang anak-anak saya sayang...."

3.1.1 Penglibatan suami dengan jenayah mengikut pandangan isteri

Di bahagian ini kita melihat pandangan isteri tentang penglibatan suami mereka dalam jenayah. Dalam konteks ini kita akan membincangkan pandangan 96 isteri responden yang berjaya ditemui. Daripada 96 orang ini, sebanyak 41.7% adalah isteri kepada suami yang dituduh di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan 58.3% isteri kepada suami yang terbabit di bawah Kanun Kesiksaan N.M.B Bab 45.

Sebanyak 55.0% isteri yang bersuamikan penagih dadah, menyatakan merekalah yang menyebabkan suami mereka terpenjara. Mereka tidak tahan dengan keadaan suami mereka

yang menganggu ketenteraman keluarga dan jiran tetangga. Oleh itu mereka laporkan kepada pihak berkuasa supaya menangkap suami mereka.

Selain itu, 6.2% isteri menjelaskan bahawa keluarga mereka bertindak melaporkan kepada polis tentang kegiatan jenayah suami. Sebanyak 5.2% orang isteri daripada 96 orang isteri telah memberitahu suami mereka tertangkap dan dijatuhkan hukuman penjara kerana kawan-kawan suami mereka. Isteri menceritakan bahawa suami mereka suka berkawan dengan orang jahat. Seorang isteri menjelaskan bahawa, suaminya pernah membawa kawan-kawannya yang tidak sopan ke rumah mereka. Oleh itu, apabila suaminya tertangkap dia tidak terkejut malahan gembira dan bersyukur dengan harapan suaminya akan insaf.

Terdapat 3.1% isteri yang mendakwa, ibu bapa suami mereka yang menyebabkan suami mereka melibatkan diri dalam jenayah. Sikap mertua yang menekan, membezakan kasih sayang antara anak dan membandingkan kejayaan anak telah menyebabkan suami mereka terjerumus dalam kancah najis dadah.

Sebanyak 58.3% isteri yang mengetahui suami mereka terlibat dengan jenayah telah memberitahu bahawa mereka telah menasihati suami supaya berhenti daripada melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang tetapi suami masih degil. Sementara 41.6% isteri tidak mengetahui

suami mereka melakukan aktiviti jenayah sehingga pihak polis datang memberitahu mereka. Mereka mendakwa suami mereka tidak pernah menunjukkan sikap yang mencurigakan, malahan isteri amat sukar mempercayai suami mereka sekarang menjadi banduan.

Seramai 62.5% daripada 96 orang isteri memberitahu bahawa suami mereka terjebak dalam kegiatan jenayah kerana suami mereka sendiri yang memilih kegiatan tersebut. Sementara 85.6% daripada 104 orang suami menjelaskan mereka terlibat dalam aktiviti jenayah kerana diri sendiri. Ini membuktikan bahawa isteri menyedari tentang keterlibatan suami dalam kegiatan jenayah dan isteri juga sudah pasti mengetahui apakah risiko yang akan dihadapinya jikalau suami mereka ditangkap oleh pihak yang berkuasa.

3.2. JENIS HUKUMAN

Hukuman penjara atau kedua-dua hukuman sebat dan hukuman penjara adalah dua bentuk hukuman yang diterima oleh 104 orang responden. Hukuman penjara adalah adalah bertujuan mengurung, mendera, melatih dan memulihkan pesalah dari masyarakat dan menjaga mereka dari tindakan ganas orang lain dalam melindungi keselamatan orang lain dalam masyarakat (Cressey 1961; Hawkins 1976; Sommer 1976). Hukuman sebat pula adalah tambahan kepada hukuman penjara.

Hukuman ini adalah bergantung kepada tuduhan jenayah yang dihadapi oleh pesalah.

3.2.1 Hukuman Penjara

Keterlibatan suami dalam kegiatan jenayah telah menyebabkan mereka terpaksa menjalani hukuman penjara dan ada juga yang dihukum penjara dan sebat. (Sila lihat Jadual 3.1). Jadual ini menunjukkan tuduhan jenayah yang dihadapi oleh suami. Ada suami yang dihadapkan ke mahkamah dengan satu hingga empat pertuduhan. Didapati 58.6% suami hanya menghadapi satu tuduhan sahaja.

Sebaliknya 35.6% suami menghadapi dua tuduhan dan hukuman penjaranya dijalankan serentak. Sebanyak 2.9% suami menghadapi tiga tuduhan dan 2.9% suami dihadapkan dengan empat tuduhan. Daripada 104 suami ini, 17.3% dikenakan hukuman penjara dan rotan.

Jadual 3.1 Jenis Tuduhan Jenayah Yang Dihadapi Oleh Suami

Seksyen	Penerangan Seksyen	Bilangan Suami
6 ADB	Memiliki candu mentah	1 orang
9 (a) ADB	Memiliki candu masak	1
12 (2)ADB	Memiliki dadah berbahaya	17
12 (3)ADB	Memiliki dadah berbahaya	24
15 (a)ADB	Menggunakan dadah untuk diri sendiri atau untuk orang lain	2
19 (3)ADB	Mengeksport dadah	3
39 (A)ADB	Memiliki heroin, morfin lebih daripada hadnya	3
39 (B)ADB	Mengedar dadah	1
224KK	Menghalang tangkapan ke atas dirinya	1
304KK	Membunuh tanpa niat	1
324KK	Mencederakan orang	2
326KK	Mencederakan orang dengan sengaja	2
376KK	Merogol	2
379KK	Mencuri	18
392KK	Merompak	6
394KK	Mencederakan semasa merompak	1
395KK	Merompak secara kumpulan	2
397KK	Merompak dengan bersentaja	3
406KK	Pecah amanah	1
411KK	Menerima harta curi	10
414KK	Menyembunyikan harta curi	4
417KK	Menipu	1
420KK	Menipu supaya harta diserahkan kepadanya	3
454KK	Pecah rumah	3
457KK	Pecah rumah pada waktu malam	3
465KK	Melakukan pemalsuan	1
Jumlah		104

* Penerangan kepada seksyen secara jelas dapat dilihat dalam lampiran 1.

3.2.2 Hukuman Rotan

Selain daripada menjalani hukuman penjara, ada suami yang dikenakan hukuman rotan samping menjalani hukuman penjara. Sejumlah 17.3% suami terpaksa menghadapi hukuman ini. Seorang suami yang dikenakan hukuman rotan sebanyak 12 kali dan 27.7% dirotan 10 kali (Sila Lihat Jadual 3.2). Hukuman ini amat mengerikan dan diakui oleh suami bahawa hukuman ini menyedarkan mereka supaya tidak lagi mengulangi perbuatan jenayah.

Ada suami yang pengsan akibat hukuman ini. Semua suami tidak memberitahu keluarga mereka khususnya isteri tentang mereka sudah menjalani hukuman rotan, dengan tujuan mengelakkan isteri bersedih apabila mendengar berita ini. Menurut suami yang dikenakan hukuman ini, apabila keluarga menanyakan tentang hukuman tersebut, mereka akan berdalih bahawa ditunda atau belum dilakukan walaupun pada hakikatnya mereka sudah menjalani hukuman tersebut.

Jadual 3.2 Hukuman Rotan

Bilangan Sebatan (Kali)	Bilangan Responden
2 sebatan	1 orang
3	5
4	3
6	2
7	1
10	5
12	1
Jumlah	18

3.2.3 Jangkamasa Hukuman Penjara

Dalam konteks ini, kita akan melihat tempoh hukuman penjara yang dikenakan ke atas suami kerana tempoh ini akan melahirkan pelbagai impak terhadap keluarganya (Carlson & Cervera 1991; Chaiklin 1972; Daniel & Barrett 1981; Ingram & Swartsfager 1973; Morris 1965).

Jangkamasa hukuman penjara yang dikenakan kepada suami adalah berdasarkan kepada kesalahan yang mereka laku dan atas tuduhan yang mereka hadapi. Pengiraan jangka masa tahanan responden selalunya bermula dari tahanan semasa reman. Jangkamasa yang tercatat dibincangkan dalam bahagian ini adalah berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi dari rekod responden. Dalam kajian ini, ada suami yang dikenakan hukuman penjara setahun hingga ke lapan belas tahun (Sila Lihat Jadual 3.3).

Jadual 3.3 Jangkamasa Hukuman Yang Dijalani Oleh Responden

Jangkamasa (Tahun)	Bilangan Responden	Peratus
1-2 Tahun	46 Orang	44.2 %
3-4	29	27.9
5-6	16	15.3
7-8	4	3.8
9-10	4	3.8
11-12	3	2.9
15-18	2	2.0
Jumlah	104	99.9

Didapati ada suami yang telah berada di penjara sejak tahun 1987 dan suami yang akan dibebaskan paling akhir pada tahun 2002. Perbandingan ini dapat dilihat dengan jelas dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4: Tahun Kemasukan Responden dan Tahun Responden Akan Dibebaskan

Tahun Keluar	Tahun Dikenakan Hukuman					
	1987 (N=2)	1988 (N=2)	1989 (N=5)	1990 (N=18)	1991 (N=36)	1992 (N=41)
1992	-	50.0%	40.0%	22.2%	22.2%	24.4%
1993	-	50.0	40.0	50.0	38.9	48.8
1994	-	-	20.0	11.1	13.9	12.2
1995	-	-	-	5.6	11.1	7.3
1996	50.0%	-	-	-	8.3	7.3
1998	50.0	-	-	-	2.8	-
1999	-	-	-	-	2.8	-
2002	-	--	-	5.6	-	-

3.3 PERINGKAT BANDUAN

Banduan boleh dibahagikan kepada 4 peringkat. Peringkat I adalah banduan yang memakai baju berkolar putih. Hukuman yang mereka jalani adalah bawah daripada 6 bulan sahaja. Banduan ini boleh menerima lawatan dari ahli keluarga 4 minggu sekali dan bagi setiap perjumpaan jangkamasa berjumpha ialah 30 minit.

Banduan yang di Peringkat II memakai kolar merah. Mereka berada di kategori Hukuman Lama iaitu meliputi tempoh 6 bulan dan ke atas (Sila lihat Lampiran 2). Banduan ini boleh menulis sepucuk surat seminggu, menerima lawatan 4 minggu sekali dan masa perjumpaan dengan keluarga selama 30 minit.

Banduan Peringkat III memakai baju berkolar hijau. Mereka ini mestilah menjalani hukuman penjara selama 3 bulan dalam Peringkat II. Banduan yang terpilih ke Peringkat III adalah banduan yang berkelakuan baik, rajin bekerja dan tidak membuat apa-apa kesalahan dalam masa sebulan sebelum ia naik ke Peringkat III. Jangkamasa banduan dalam peringkat ini ialah 15 bulan. Banduan ini boleh menulis surat seminggu sekali, boleh menerima lawatan ahli keluarga setiap 3 minggu sekali. Banduan yang bekerja diberi gaji sebanyak 30 sen sehari.

Banduan Peringkat IV adalah yang memakai baju berkolar biru. Jangkamasa di peringkat ini selama 18 bulan. Mereka tidak boleh melakukan kesalahan dalam jangka masa 3 bulan sebelum naik ke peringkat ini. Banduan peringkat ini boleh menulis surat setiap minggu dan boleh menerima lawatan ahli keluarga setiap 2 minggu. Mereka yang bekerja dibayar gaji sebanyak 40 sen sehari.

Banduan di peringkat III dan IV mempunyai kelebihan tertentu. Mereka boleh meminjam buku dari perpustakaan, boleh menonton wayang gambar, televisyen, pementasan dan mendengar ceramah. Mereka juga boleh bermain pada waktu petang. Di samping itu, mereka mendapat keistimewaan seperti memperolehi tilam, cadar, bantal, dan barang-barang lain yang difikirkan sesuai oleh pihak penjara.

Banduan dalam semua peringkat boleh menerima buku dan majalah yang sesuai daripada keluarga dengan syarat mendapat kelulusan daripada Pengarah Penjara. Mereka juga boleh mendapat kebebasan-kebebasan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Penjara dari semasa ke semasa.

Dalam kajian ini, banduan yang ditemui adalah banduan peringkat II, III dan IV. Seramai 3 orang banduan berkolar merah dipilih menjadi responden, diikuti 100 orang banduan berkolar hijau dan seorang berkolar biru. Daripada

100 orang responden berkolar hijau ini, 71 orang berada di Penjara Pusat Selangor, 29 orang di Penjara Dadah Selangor, 3 responden berkolar merah juga dari Penjara Dadah Selangor dan seorang responden berkolar biru ini dari Penjara Pusat Selangor.

3.3.1 Kekerapan Masuk Penjara

Selain itu, pihak penjara juga mengklasifikasikan pesalah berdasarkan kekerapan ia dihukum penjara. Banduan Pertama Kali adalah banduan yang baru sekali dihukum penjara dan banduan yang tidak mempunyai kecenderungan-kecenderungan jahat. Banduan Ulang Kali adalah banduan yang melakukan kesalahan berkali-kali.

Berdasarkan kepada rekod penjara, 46.2 % orang suami pertama kali dihukum penjara. Seramai 53.8% orang suami adalah banduan Ulang Kali (Sila Lihat Jadual 3.5). Terdapat seorang suami mencatat bilangan tertinggi masuk penjara iaitu 9 kali. Sejumlah 13.4% orang suami keluar masuk penjara selama 4 kali.

Jadual 3.5 Kekerapan Masuk Penjara

Kekerapan (Kali)	Bilangan Responden	Peratus
1 kali	48 orang	46.1
2	20	19.2
3	9	8.6
4	14	13.4
5	5	4.8
6	3	2.9
7	2	2.0
8	2	2.0
9	1	1.0
Jumlah	104	100.0

3.4 PERASAAN RESPONDEN SEMASA DI PENJARA

Penjara sebagai institusi pengendalian penjenayah dalam melaksanakan sistem perundungan di Malaysia. Konsep mengurung (custody) mengasingkan (coersion) dan membetulkan (correction) akan mendatangkan pelbagai reaksi dan kesan kepada banduan. Penjara juga dikatakan tempat yang menyakitkan dan menyiksakan setiap individu yang tinggal di dalamnya (Gialloombarde 1966).

Banduan akan kehilangan kebebasan bergerak dan membuat keputusan, kehilangan perhubungan perkelaminan, kehilangan perasaan selamat. Kurungan juga menunjukkan tanda penolakan pesalah yang disengajakan oleh masyarakat (Abdul Hadi 1992; Clemmer 1940; Heffernan 1972; Parisi 1982; Reimer 1973; Sykes 1958). Suasana penjara juga akan mewujudkan perasaan rendah diri akibat hilangan pekerjaan, tersingkir daripada keluarga serta masyarakat. Malahan

keadaan ini akan menimbulkan perasaan benci banduan terhadap masyarakat.

Ini jelas apabila 104 orang responden yang ditempuh turut mengalami keadaan yang sama. Ada yang merasa sedih, kesal dan kecewa. Tetapi tidak kurang juga yang menganggap penjara sebagai tempat mereka berehat dan mereka gembira semasa berada di penjara.

3.4.1 Perasaan Sedih

Sejumlah 61.5% suami amat sedih dengan kehidupan mereka di penjara. Sebanyak 62.5% daripada mereka merupakan banduan yang pertama kali masuk penjara dan menjalani hukuman penjara selama 2 hingga 8 tahun. Mereka menjelaskan bahawa mereka amat sedih dengan keadaan yang dialami. Masing-masing menegaskan bahawa mereka amat sukar menyesuaikan diri dengan kehidupan di penjara ini. Kesukaran ini menjadikan mereka mendekatkan diri dengan Tuhan.

Sementara itu, 20.3% suami yang sudah 2 kali dihukum penjara juga memberitahu bahawa mereka sedih dan sentiasa menangis kerana kesal dengan keadaan yang mereka hadapi sekarang. Mereka juga telah memalukan keluarga mereka kerana ditahan di penjara.

Terdapat 17.1% suami yang bersedih kerana terpisah dengan anak dan isteri. Mereka tidak meninggalkan

wang yang banyak untuk isteri dan anak; mereka takut anak mereka terbiar. Ini bertambah perit apabila didapati isteri yang melawatnya semakin kurus dan cengkung. Sejumlah tiga daripada 11 orang ini memberitahu bahawa mereka rasa tertekan dengan keperluan batin mereka. Namun begitu, mereka masih mampu mengawal nafsu dengan bekerja dalam penjara dan beramal.

Bagi mengubati rasa kesal dan sedih ini sebanyak 21.8% suami daripada 64 orang, khususnya yang beragama Islam mengakui mereka kini mendekatkan diri dengan Tuhan sebagai satu cara mengurangi kesedihan dan kecewaan walaupun dulu mereka tidak memperdulikan tentang ajaran agama.

Sementara itu terdapat 7.8% responden yang sudah 5 kali keluar masuk penjara tetapi baru pertama dihukum penjara setelah berumah tangga. Kelima-lima responden ini merasa amat bimbang dengan sikap isteri yang tidak pernah melawat mereka sepanjang masa mereka berada di penjara, apatah mengirim berita. Responden NO. 3151/92, memberitahu semasa dia ditangkap isterinya sedang mengandung. Dia tidak tahu apakah yang terjadi kepada isterinya kerana keluarganya juga tidak datang melawat. Mengenangkan keadaan ini, responden amat berdukacita dan bimbang perkahwinannya akan hancur begitu sahaja.

3.4.2 Perasaan Gembira

Sejumlah 38.5% responden merasa gembira tinggal di penjara. 42.5% responden cuba menyesuaikan diri dengan keadaan di penjara serta menerima hakikat dengan hati yang rela dan gembira bahawa mereka terpaksa menjalani hukuman penjara setimpal dengan kesalahan yang mereka lakukan. Bagi mereka kehidupan di penjara perlulah dinikmati bukannya dikesali kerana sesal kemudian tidak bererti lagi. Terdapat tiga orang suami mengatakan mereka menggunakan peluang di penjara ini untuk melakukan aktiviti yang mereka tidak berpeluang melakukannya ketika bebas. Misalnya bermain catur, bermain gitar, membaca dan menulis pengalaman hidup mereka dalam penjara.

Ketiga-tiga suami ini merupakan kumpulan yang sibuk dengan kerjaya mereka. Menurut mereka, sekarang mereka boleh bermain badminton dengan mudah. Mereka juga tidak tertekan dengan berbagai temu janji lagi. Malah responden NO.4300/89 mendakwa dia juga telah menjalani pembedahan matanya semasa di penjara kerana semasa dia bebas, dia tidak berkesempatan menjalani pembedahan tersebut. Dia juga sedang menulis buku tentang kehidupannya di penjara sebagai mengisi masa lapang. Responden NO. 4402/91 pula mengatakan dia kini mempunyai banyak masa untuk beribadat dan membaca Al Quran dan juga menulis buku. Menurut ketiga-tiga orang ini, cara ini juga dapat mengurangkan perasaan rindu terhadap keluarga.

Sebanyak 20.0% suami merasakan penjara ini adalah tempat rehat sementara setelah puas melakukan kegiatan haram. Mereka adalah suami yang sering masuk keluar penjara antara 5 hingga 9 kali tidak lagi merasa sedih, kecewa dan kesal sebaliknya menerima keadaan ini dengan rela. Mereka juga gembira tinggal di penjara kerana lebih mereka merasakan diri mereka terurus dan selamat.

Mereka juga menggunakan peluang bekerja di penjara dan menyimpan gaji yang diperolehi untuk dibelanjakan apabila mereka dibebaskan. Apabila wang simpanan tersebut sudah habis, mereka bercadang melakukan perbuatan jenayah sekali lagi supaya dihukum penjara sekali lagi. Malahan mereka menjelaskan bahawa penjara adalah rumah kedua bagi mereka.

Daripada temu bual yang dibuat bersama lapan orang suami ini, mereka menceritakan bahawa mereka rasa tertekan juga pada kali pertama mereka dipenjarakan tetapi apabila sering kali dihukum penjara, mereka merasakan kehidupan di penjara lebih teratur. Makanan, minuman, dan tempat tidur semuanya disediakan. Malahan mereka menanti-nanti masa untuk dibebaskan dan dihukum penjara sekali lagi.

Sejumlah 15% suami yang terlibat dalam penagihan dadah merasakan kehidupan di penjara mengembirakan diri dan keluarga mereka. Ini disebabkan mereka berupaya mengawal

ketagihan dadah. Mereka juga tidak lagi membebankan keluarga yang ditinggalkan. Mereka berharap hukuman yang dijalani akan memberi harapan yang baru dalam kehidupan mereka setelah dibebaskan.

Seramai 22.5% suami yang gembira tinggal di penjara mengatakan mereka menggunakan masa dalam penjara ini sebaik mungkin dengan cara menyertai bengkel usahasama penjara dengan industri ringan. Dua orang suami yang tidak bekerja semasa bebas juga berpeluang menyertai bengkel usahasama ini. Mereka juga memperolehi nafkah dan melalui cara ini dapat mengurangkan rasa bosan dan rindu kepada keluarga masing-masing.

3.5 RANCANGAN MASA DEPAN SUAMI

Para suami akan keluar dari penjara apabila tamat tempoh hukuman mereka. Kebebasan ini dinanti dengan penuh debaran. Mereka sendiri tidak pasti sama ada diri mereka akan diterima oleh keluarga dan masyarakat atau tidak (Erikson 1964; Kaslow 1978). Kesalahan yang mereka lakukan telah dibayar dengan hukuman yang setimpal. Namun begitu, nama mereka sudah tercemar. Mereka juga sedar mereka telah memburukkan nama baik keluarga. Untuk berhadapan dengan masyarakat dan keluarga adalah satu perkara yang ditakuti.

Bagi sebahagian suami yang menagih najis dadah, perkara yang ditakuti ialah terlibat kembali dengan

kegiatan yang sama kerana ada yang masih belum dapat mengawal rasa ketagihan. Menurut seorang suami apabila mereka dibebaskan kawan-kawan mereka akan datang menemui mereka. Perkara turut diakui oleh tiga orang isteri yang bersuamikan penagih dadah. Menurut isteri responden NO.

7526/92:

"Semalam merupakan tarikh pembebasan suami saya, selepas jam dua belas saya lihat rakan-rakan suami saya berlonggok depan rumah saya. Mereka menghisap rokok dan bersiul, saya rasa sebagai isyarat kepada suami saya. Saya takut dan sedih kerana dalam hati saya hai... tak berubahlah suami aku ni... Mereka tunggu hingga sejam. Saya hairan juga bagaimana mereka tahu suami saya akan pulang pada tarikh tersebut? Tetapi sebenarnya suami saya tidak bebas hari itu dari Kajang dan sambung lagi selama setahun di Pusat Serenti Rawang. Kerana jemu menunggu dan tak ada balasan mereka pun balik... Malam itu saya tidak lena tidur "

Sejumlah 65.4% suami amat bimbang apabila mereka bebas kelak. Perkara yang merisaukan mereka ialah penerimaan isteri dan keluarga serta pekerjaan yang akan mereka lakukan. Apakah isteri, ibu bapa, mertua, jiran dan kawan-kawan akan menerima mereka seperti dulu? Perasaan ini menjadi tanda tanya dalam diri responden. Mereka sendiri tidak pasti apakah yang akan berlaku dengan diri mereka. Mereka juga memberitahu bahawa sokongan moral amat diperlukan daripada orang terdekat apabila bebas kelak.

Empat orang suami yang mempunyai pekerjaan yang baik sebelum ini merasakan agak sukar untuk bekerja dengan mana-mana syarikat atau dengan kerajaan kerana rekod kerjaya mereka sudah tercemar. Kata responden:

" Saya rasa menginap di kota ini, taklah susah sangat. Ikon semua peraturan. Buat baik dengan Cik Gu. (Panggilan kepada Pengawal dan Pegawai Penjara) Apa yang saya susah hati bila keluar nanti bolehkah ibu bapa, mertua dan isteri saya menerima saya dengan baik...Kita kan orang jahat...Banduan..."

(Kenyataan responden NO.753/92)

" Pak kena hukuman selama 18 tahun...tak tahulah sama ada isteri Pak sanggup tunggu atau tidak tapi jika dia tak sanggup, Pak bebaskan dia...risau Pak fikirkan dia dan anak-anak. Mesti jiran menganggu dia...Pak doakan dia mampu hadapi keadaan ini dengan tabah..."

(Kenyataan responden NO.2361/90)

Sebenarnya para suami mempunyai cita-cita tersendiri apabila mereka keluar nanti. Sejumlah 34.6% suami akan meneruskan pekerjaan mereka yang lama, 6.7% suami akan berniaga dan 6.7% akan mencari pekerjaan yang lain. Sebilangan 50.9% suami tidak pasti apa yang hendak dilakukan apabila mereka dibebaskan. Daripada 50.9% suami ini, 35.0% adalah suami yang gembira dengan kehidupan di penjara. Ada suami merasa hidup mereka tidak berguna lagi kepada diri, keluarga dan masyarakat. Peristiwa yang lalui adalah satu pengalaman pahit dalam hidup mereka.

Hanya 1.0% suami yang akan berpindah bersama keluarga ke Pulau Pinang untuk meneruskan hidup dengan azam yang baru. Ini adalah harapannya agar dapat menjauhi diri daripada melakukan perkara yang jahat. Suami merasakan dirinya perlu diterima dengan tangan dan hati yang terbuka.

Perkara yang paling ditakuti oleh suami ialah isteri dan keluarga bersikap dingin dan tidak menghormati diri mereka sebagai ketua keluarga. Perkara ini memang menghantui fikiran semua suami yang mempunyai isteri dan anak-anak. Mereka takut jika isteri menolak kepulangan mereka. Jika ini berlaku sudah tentu masyarakat akan bersikap lebih daripada itu.

Perasaan rendah diri apabila mereka dihukum penjara memang wujud dalam diri suami khususnya sebelum ini mereka adalah orang yang dihormati dan disegani. Mereka merasakan jika isteri, anak, ibu bapa dan mertua tidak dapat menerima kepulangan mereka sebagai bekas banduan adalah satu perkara yang menyedihkan.

Bagi responden kejadian yang berlaku ini merupakan ujian kepada diri dan keluarga mereka. Perasaan bersalah suami terhadap isteri memang ada, namun mereka terpaksa menghadapi hukuman yang dikenakan akibat kesalahan mereka sendiri. Ada responden yang takut kehilangan isteri kerana bagi mereka jika isteri benar-benar kasihkan mereka,

sudah pasti isteri akan bersabar, terus mengunjungi dan menanti kepulangan suami masing-masing.

3.6 KESIMPULAN

Hukuman yang dijalani oleh responden melalui proses pemulihan dalam penjara masih boleh menggalakkan responden melakukan kegiatan jenayah setelah dibebaskan kelak. Keengganan keluarga dan masyarakat menerima bekas banduan adalah antara faktor yang mendorong pesalah meneruskan aktiviti jenayah.

Hukuman penjara ini juga meninggalkan kesan kepada keluarga yang ditinggalkan. Kehilangan kebebasan bergerak dan kehilangan perhubungan perkelaminan menjelaskan fungsi keluarga dan menyebabkan kepincangan dalam rumah tangga. Semua responden merasa malu dengan keadaan diri mereka apabila menjadi banduan. Responden amat memerlukan sokongan moral daripada keluarga untuk mengatasi perasaan malu, rendah diri dan tidak yakin dengan kehidupan apabila dibebaskan kelak.